

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir, Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari / Mac 2003

YKT 213 – KOMUNIKASI, KUASA DAN KONFLIK

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Pandangan liberalisme dan liberal demokratik menegaskan bahawa pasaran bebas akan menjamin kebebasan media. Dengan menyediakan contoh-contoh, nilaiakan pandangan ini.

2. Dengan merujuk kepada media di Malaysia, bincangkan pengaruh politik dan ekonomi ke atas media. Apakah yang perlu berubah untuk wujudnya satu sistem media yang lebih demokratik?

3. Imperialisme budaya perlu ditentang sepenuh-penuhnya untuk mempertahankan kedaulatan negara dan kesucian budaya nasional. Bincang secara kritis kenyataan ini.

4. Dalam proses menilai impak dan potensi teknologi komunikasi di dalam masyarakat, adalah lebih realistik dan membina jika analisis tersebut melihat kaitan *di antara* struktur kuasa global dan struktur kuasa yang terdapat di dalam sesuatu masyarakat dan tidak hanya berasaskan dikotomi atau 'perbezaan' di antara 'kita' dan 'mereka'. Bincang dengan contoh-contoh.

...2/-

- 2 -

5. Bincangkan dakwaan bahawa audien media boleh mentafsir makna media yang tersurat dan tersirat. Jika benar, adakah ini bermaksud bahawa audien 'berkuasa'?

6. Reformasi media seharusnya mengambilkira corak penghasilan yang bukannya dikuasai oleh negara dan bukan pula dikuasai oleh pasaran. Bincangkan pandangan ini berdasarkan cadangan-cadangan yang disediakan oleh sarjana-sarjana ekonomi politik.

- ooo O ooo-